

13/03/2000

Mesyuarat boleh ditangguh

Rosli Abdul Jalil

MENTAKAB, Ahad - Jawatankuasa Pengurusan Umno tidak menghalang cadangan Umno Pahang untuk menangguhkan mesyuarat bahagiannya bagi membuat persediaan menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang pada 1 April depan.

Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata cadangan penangguhan itu boleh dilaksanakan.

"Bagaimanapun, perkara ini akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan dalam mesyuaratnya, Rabu depan," katanya kepada pemberita selepas majlis tertutup Perjumpaan Mesra dengan Pemimpin Masyarakat Dalam DUN Sanggang di Dewan Seri Mentakab, di sini, hari ini.

Jumaat lalu, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berkata, beliau akan mencadangkan supaya semua Umno Bahagian ditangguhkan bagi membolehkan tenaga parti ditumpukan bagi membantu calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil DUN Sanggang.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob yang ditemui selepas majlis itu berkata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara dasarnya bersetuju dengan cadangan menangguhkan mesyuarat bahagian, terutama bahagian Umno yang terdekat dengan kawasan Sanggang.

Menurutnya, persetujuan secara prinsipnya itu dinyatakan oleh Dr Mahathir dalam pertemuan dengan Adnan dan Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Mentakab, termasuk Ketua Pemuda dan Wanita ketika hendak memutuskan calon yang akan bertanding dalam pilihan raya kecil DUN Sanggang.

"Bagaimanapun, terpulanglah kepada bahagian terbabit sama ada menangguhkannya atau meneruskan mesyuarat sebagaimana ditetapkan.

"Jika mereka sudah membuat persediaan dan berpendapat ia tidak perlu ditangguhkan, mereka boleh teruskan kerana mesyuarat bahagian hanya satu hari.

"Tidak ada masalah juga jika mesyuarat hendak ditangguhkan kerana kita masih boleh selesaikan sebelum perhimpunan agung, Mei depan," katanya.

Menurutnya, Jawatankuasa Pengurusan yang dipengerusikan Abdullah tidak akan merujuk cadangan penangguhan mesyuarat kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata BN tidak akan mengeluarkan manifesto baru pada pilihan raya kecil DUN Sanggang, sebaliknya parti itu akan menggunakan manifesto yang diperkenalkan pada Pilihanraya Umum lalu.

"Kita akan melaksanakan janji-janji yang dibuat dalam manifesto pilihan raya umum lalu," katanya.

Beliau berkata, langkah BN mengumumkan awal calonnya yang akan bertanding merebut kerusi kawasan DUN Sanggang, bertujuan memberi masa secukupnya untuk memperkenalkan calon kepada pengundi di kawasan itu serta menggerakkan jentera parti.

Khalil ketika diminta mengulas perkara itu, menyifatkan pengumuman awal nama calon BN sudah menyelesaikan sekurang-kurangnya 50 peratus persediaan Umno.

"Sehubungan itu, tidak ada polemik di kalangan ahli Umno mengenai siapa yang akan menjadi calon Umno, sebaliknya, mereka kini boleh memberi tumpuan untuk membantu jentera parti menghadapi pilihan raya kecil DUN Sanggang," katanya.

Semalam, Adnan dalam majlis pertemuannya dengan ketua-ketua cawangan DUN

Sanggan mengumumkan BN memilih Pengerusi Biro Agama Umno Bahagian Mentakab, Redzwan Harun, 49, sebagai calonnya bagi pilihan raya kecil DUN Sanggang.

Redzwan, anak jati kelahiran Kampung Jenderak adalah Ketua Umno Cawangan Kampung Jenderak dan juga Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Mentakab serta Pengerusi Biro Agama Umno Bahagian Mentakab.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan hari penamaan calon bagi pilihan raya kecil DUN Sanggang ialah pada 21 Mac dan hari mengundi pada 1 April 2000.

Kerusi DUN Sanggang kosong berikutan kematian Adunnya, Datuk Abdullah Kia, 54, yang meninggal dunia selepas diserang angin ahmar pada 26 Februari lalu.

(END)